

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	12/12/2019	MUKA SURAT : 53
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

# Pertahanan kelestarian alam sekitar

## Manusia digesa hapuskan sifat fasad selari suruhan Rasulullah SAW

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

**Kelestarian** alam sekitar ada disebut dalam al-Quran antaranya seperti yang boleh dibaca dalam surah Hud ayat 61, sekali gus membukitkan Islam menitikberatkan mengenaunya.


Justeru, ia seharusnya diamalkan oleh umat Islam bermula dengan menghingitkan perkataan 'fasad' dalam karnus kehidupan, bagi memastikan kelestarian alam terus dinikmati generasi akan datang.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, berkata fasad bererti perbuatan manusia yang mencemari, merosakkan dan melumpuhkan alam sekitar, sehingga sistem sedia ada musnah.

"Perkataan fasad ada disebutkan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT: 'Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya: Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?'"

*Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.* (Surah al-Baqarah, ayat 30).

"Fasad ini disebut lagi dalam firman Allah SWT: 'Telah timbul berbagai kerosakan dan bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali.' (Surah Ar-Rum : 41)," katanya ketika menyampaikan ucapan pertama bertajuk 'Peranan Agama Memeroleh Kestarian Ekologi Dalam Negara Islam' pada Seminar Antarabangsa Mengenai Islam dan Kestarian Ekologi 2019, anjuran Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS).



**Zulkifli Mohamad al-Bakri**

Zulkifli berkata, situasi hari ini sangat menyedihkan misalnya sumber air bagaikan tidak lagi dilihat penting oleh manusia, sedangkan hal sedemikian tidak terjadi antara 40 hingga 50 tahun lalu sehingga air sungai boleh di-

minum terus daripada sumbernya.

"Hari ini, saya yakin tidak ramai yang berani minum air sungai atau air yang belum diproses bimbang akan mati, yang mana kerosakan itu adalah kerana kesilapan yang kita lakukan," katanya.

Sambil mengambil tragedi pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, sebagai contoh Zulkifli berkata, akibat kerosakan manusia, negara terpaksa mengeluarkan kos yang sangat tinggi untuk merawatnya, sedangkan kos memulihara mungkin tidak begitu tinggi.

"Kalmah fasad ini patut dipuskan daripada manusia dan kita perlu memiliki kesedaran, supaya tidak melakukannya kerana ia akan mempercepatkan la-

gi kerosakan alam.

"Rasulullah SAW sejak awal lagi sudah mengingatkan manusia mengenai kelestarian dan penjagaan alam sekitar yang sekiranya kita mengamalkannya insyaallah kita berjaya," katanya.

Tambah Zulkifli, Rasulullah SAW juga bersabda: "Jika terjadi hari kiamat sementara di tangan salah seorang daripada kamu ada sebiji benih tanaman, maka jika dia mampu sebelum terjadi hari kiamat untuk menanamnya maka tanamlah." (HR Ahmad dan Bukhari)

Hadis itu katanya, menjelaskan Rasulullah SAW menekankan mengenai kepentingan menanam pokok.

"Apabila Rasulullah SAW berada di Kota Madinah, Baginda menaja Kota Madinah terutama bukti bukan yang disebutkan sebagai bukti yang menandakan Madinah.

"Ertnya pengkalan alam semula jadi ciptaan Allah amat digalakkan," katanya.

Zulkifli berkata, apa yang difahami umat Islam adalah Rasulullah SAW menekankan kehidupan di dunia ini adalah bersyarat, iaitu semannya ada diperlukan bersama seperti sabda Baginda: "Muslim berkongsi dalam tiga perkara, iaitu air, padang ragut dan api." (HR Abu Daud dan Ibn Majah)

"Melestarikan alam sekitar perlukan usaha bersama. Kita bukan mahukan akta atau perundangan, kerana yang paling mustahak ialah kesedaran dalam.

"Kita mahu negara ini terkenal dengan alam sekitar yang indah dan sebagai negara Islam kita harus menzahirkannya," katanya.



*Pencemaran di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, pada tahun ini menjelaskan ramai pihak*

(Foto Hiasan)